

15/11/1998

Gawat: Bonus terpaksa ditangguh

KUANTAN: Kerajaan memang bercadang untuk memberi bonus kepada kakitangannya seperti dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini, dalam usaha menghargai perkhidmatan mereka.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata hasrat memberikan bonus itu terpaksa ditangguhkan sementara berikutan negara mengalami kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, belanjawan tahun ini berkurangan sebanyak RM6 bilion, manakala bagi tahun depan kekurangan membabitkan peruntukan sebanyak RM16.6 bilion.

Menurutnya, langkah menangguhkan pemberian bonus terpaksa diambil kerana negara terpaksa meminjam wang dari pelbagai punca sama ada dalam dan luar negara untuk menampung keperluan perbelanjaannya.

"Tanggungannya kerajaan akan terus membebaskan jika kita memberi bonus kepada kakitangan kerajaan dalam kegawatan ekonomi sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Peluang Pelaburan Dalam Sektor Perikanan Akuakultur di sini, semalam.

Fauzi berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju mengadakan perbincangan lanjut dengan Cuepacs yang mengemukakan cadangan supaya pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan digantikan dengan penghargaan dalam bentuk insentif.

Sementara itu, Fauzi berkata peminjam biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang masih gagal menjelaskan bayaran balik hutang mereka, berbuat demikian dengan segera.

Katanya, peminjam terbabit perlu menghubungi JPA untuk tujuan itu dan mereka yang masih gagal menjelaskan pinjaman berkenaan, perlu menyatakan sebab kegagalan berbuat demikian.

"Mereka sepatutnya menjelaskan hutang berkenaan bagi membolehkan JPA memberikan pinjaman biasiswa dan dermasiswa pendidikan kepada pelajar lain," katanya.

(END)